

R GB 30-10 00171 BC175

Bah

Mahathir - UMNO

CALON-CALON YANG KALAH MASIH ADA TEMPAT DALAM PARTI, KATA DR MAHATHIR KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata, calon-calon yang kalah dalam pemilihan pucuk pimpinan parti tetap mempunyai tempat dalam parti kerana UMNO memerlukan setiap anggotanya untuk memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata, mereka yang kalah perlu menerima hakikat terhadap kekalahan mereka sekiranya pemilihan berjalan dengan sopan, beradab dan mengikut perlembagaan parti.

"Sayugia diingatkan bahawa pemilihan parti adalah untuk memilih pemimpin-pemimpin parti secara demokratik. Dalam pemilihan tentulah ada yang menang dan ada yang kalah."

"Asal sahaja pemilihan dijalankan dengan adil, bersih, mengikut perlembagaan dan diselenggarakan dengan sopan dan beradab, kita harus menerima keputusan pemilihan itu walaupun kita kalah," kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluannya sempena perhimpunan agung UMNO Khamis ini.

Teks kata-kata aluan itu dikeluarkan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat pada majlis taklimat kepada para wartawan tempatan dan asing di sini, hari ini. -- Lagi

▼30/10/16-46MST

R GB 30-10 00180 BC176

Bah

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Mengenai pemilihan peringkat Bahagian dan Cawangan, Dr Mahathir berkata, beliau bersyukur kerana pada umumnya pemilihan berjalan tanpa menjejaskan prinsip demokrasi yang diamalkan UMNO.

Sambil mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah dipilih, beliau bagaimanapun, kesal kerana budaya "surat layang" yang bermotif memfitnah pemimpin-pemimpin parti masih wujud semasa kempen.

Dr Mahathir berkata, tujuan penulis surat-surat layang itu hanya semata-mata hendak mengganggu pemilihan dengan melaga-lagakan sesama pemimpin, memburukkan peribadi calon dan membuat dusta supaya pemilihan akan membawa perpecahan dan sengketa di kalangan anggota.

Menyentuh masa depan UMNO, beliau berkata parti itu harus menyesuaikan diri untuk menyambut cabaran dekad akan datang kerana era yang menjelang tiba adalah era persejagatan, teknologi maklumat dan teknologi tinggi.

"Sebuah parti terpaksa melalui proses perubahan dari semasa ke semasa. Sekiranya ia tidak melalui proses pembaharuan dan tidak peka kepada angin perubahan yang bertiup di sekitarnya, ia akan menjadi beku serta tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan keadaan politik, ekonomi, sosial dan budaya dalam masyarakatnya dan masyarakat dunia," tambah beliau. -- Lagi

▼30/10/16-48MST

Bah

Mahathir - UMNO 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata tidak semua perubahan mengandungi unsur baik dan membina kerana ada perubahan yang membawa mudarat kepada manusia.

"Kalau kita tidak peka kepada perubahan sekeliling kita, kita tidak akan mampu merebut peluang daripada perubahan itu untuk memanfaatkan parti, bangsa dan negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan anggota UMNO supaya sentiasa meningkatkan kecekapan, kemampuan dan kebolehan mereka untuk menyesuaikan diri dengan dunia yang cepat berubah kerana era masa kini dan akan datang menuntut mereka menjadi insan berilmu.

Beliau juga menegaskan, cara parti itu dikendali dan diselenggarakan juga harus disesuaikan dengan masa dan zaman terutama memandangkan keanggotaannya kini berjumlah dua juta orang.

"Kerana itu pentadbiran parti harus kemas, teratur dan canggih. Lebih penting daripada itu ialah cara pemikiran kita harus berubah dan ini mungkin dicapai kalau kita membuka minda kita seluas mungkin untuk menerima pengaruh perkembangan dan kemajuan manusia zaman global ini," katanya. --
Bernama.

RA OA

▼30/10/16-49MST